

# Mereka serupa



## NOTA 6

bersama Manan Samad

manan\_samad@hmetro.com.my

**D**alam satu artikel mengenai kepimpinan karangan seorang penulis luar negara, beliau menyenaraikan lima ciri-ciri pemimpin hebat termasuk dua daripadanya adalah fleksibel dan bertanggungjawab dalam membuat keputusan.

Dua daripada ciri-ciri itu ada pada Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar ketika beliau membuat keputusan tepat menyamakan nilai Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) di antara atlet normal dan istimewa tiga tahun lalu.

Keputusan itu dipengaruhi pencapaian hebat atlet kurang upaya Muhammad Ziyad Zolkefli yang memenangi acara lontar peluru kategori masalah pembelajaran di Kejohanan Olahraga Dunia di Lyon, Perancis.

Ketika itu insentif SHAKAM menetapkan atlet istimewa hanya layak menerima 30 peratus daripada nilai ganjaran yang diterima atlet normal.

Lantas Khairy atau lebih popular sebagai KJ bertanyakan pegawai bertanggungjawab dan diberitahu mengenai nilai berkenaan.

Antara alasan diberikan pegawai terbabit termasuk paralimpik masih baharu, tidak banyak penyertaan, terlalu banyak kategori acara dan mudah untuk menang.

Pegawai itu hanya menjalankan tugasnya memberi penjelasan berdasarkan polisi yang sudah ditetapkan dan apa yang dikatakannya itu berdasarkan fakta.

Sebagai menteri, KJ mempunyai pilihan sama ada meneruskan polisi sedia ada atau mengubah polisi berkenaan. Beliau mencadangkan polisi berkenaan diubah dan setiap atlet menerima layanan dan insentif sama rata kerana semuanya beraksi untuk mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Itu menunjukkan beliau seorang yang fleksibel dan bertanggungjawab dalam membuat keputusan besar dan penting. Dakwa KJ, Malaysia satu-satunya negara yang memberikan imbuhan setara di antara atlet normal dan istimewa.

Jika beliau seorang pemimpin yang pasif, beliau tidak perlu bersusah payah mengeluarkan arahan baru sebaliknya mengikut polisi sedia ada yang turut dipraktikkan negara maju.

Tuah ayam nampak di kaki tuah manusia siapa tahu. Hasil polisi baru itu, empat atlet yang mengharumkan nama negara pada Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro, Brazil bakal menerima durian runtuh.

Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, 29, memulakan rentak gemilang apabila memungut emas pertama selepas 44 tahun temasya itu menerusi acara 100m T36 (Cerebral Palsy/lumpuh otak) pada Ahad lalu. Dia mencatat masa 12.07 saat, memadam rekod paralimpik milik Roman Pavlyk dari Ukraine iaitu 12.25s yang dilakukan di Beijing pada 2008.

Kemudian Ziyad mengesahkan reputasinya sebagai raja lontar peluru F20 (masalah pembelajaran) apabila melakukan lontaran sejauh 16.84 meter sekali gus mencipta rekod dunia pada percubaan kelima menewaskan

Dimitrios Senikidis dari Greece dengan 16.17m dan Todd Hodgetts dari Australia 15.82m.

Rekod dunia dan paralimpik sebelum ini 16.29m dipegang Hodgetts di London 2012.

Lebih cemerlang, Abdul Latif Romly, 19, kemudian tiga kali memecah rekod dunia dalam enam lompatan acara lompat jauh F20 (masalah pembelajaran).

Dia melakukan lompatan kedua 7.47m, lompatan ketiga 7.54m, 7.60m lompatan kelima sekali gus menewaskan atlet Croatia Zoran Talic untuk perak yang hanya mampu merekod lompatan sejauh 7.12m manakala gangsa milik atlet Ukraine Dmytro Prudnikov dengan 6.99m.

Abdul Latif juga adalah penyandang rekod dunia 7.35m selain memiliki rekod peribadi 7.46m. Catatan rekod baru dunia itu juga tidak jauh dengan rekod kebangsaan milik Josbert Tinus sejauh 7.88m.

Berikutan itu KJ Khamis lalu mencabar

anak muda kelahiran Perlis ini untuk menumpukan kejohanan membabitkan atlet normal jika mampu memecah rekod kebangsaan.

Kejayaan ketiga-tiga atlet dilakar sehari sebelum umat Islam menyambut Aidiladha Isnin lalu. Seperti Aidiladha yang menuntut pengorbanan, kejayaan mereka juga menuntut komitmen tinggi yang tidak berbelah bagi.

Umpamanya kisah Ziyad yang seperti diceritakan ayahnya, Zolkefli Othman, 62. Tiga bulan sebelum temasya itu, Ziyad ibarat 'buang' keluarga dan tunang untuk menumpukan perhatian kepada latihan.

Tetapi selepas misinya berjaya, Ziyad memberitahu tunangnya Zafirah Mohd Nasir menerusi aplikasi WhatsApp yang 'dia sudah kembali' dan kedua-duanya bakal melangsungkan perkahwinan 11 November ini. Satu kisah yang sangat indah.

Berikutan kemenangan itu, tiga atlet berkenaan bakal menerima wang tunai RMI juta menerusi insentif SHAKAM selain pencen bulanan RM5,000.

Selain itu, Naza Corporation Holdings (Naza) turut mengumumkan ganjaran hampir RM500,000 iaitu kenderaan utiliti sukan (SUV) Kia Sportage terbaru berharga RM121,888 dan seunit gangsapuri suite berharga RM350,000 di Trion 888, Equine Park.

Terbaru Khamis lalu, Siti Noor Radiah Ismail pula menang pingat gangsa menerusi acara lompat jauh T20 dengan lompatan sejauh 5.20 meter yang juga memecah rekod Asia.

Keempat-empat atlet berkenaan adalah wira negara. Mereka setaraf dengan jaguh badminton Datuk Lee Chong Wei, Goh V Shem/ Tan Wee Kiong, Chan Peng Soon/ Goh Liu Ying; ratu terjun Pandelega Rinong/ Cheong Jun Heong yang menang pingat perak Sukan Olimpik Rio, selain jaguh basikal acara keirin Azizulhasni Awang (gangsa).

Dan selayaknya mereka menerima imbuhan sama. Mereka serupa.

**Penulis adalah Pengarang Kanan Berita Harian Metro**